



11 Mei 2012  
11 May 2012  
P.U. (A) 132

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(PENENTUAN HARGA PINDAHAN) 2012

*INCOME TAX (TRANSFER PRICING) RULES 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PENENTUAN HARGA PINDAAN) 2012

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Skop dan pemakaian
3. Tafsiran
4. Dokumentasi penentuan harga pindahan semasa
5. Kaedah bagi menentukan harga selengan
6. Kebolehbandingan transaksi
7. Harga pindahan untuk transaksi berasingan dan bergabung
8. Pencirian semula transaksi
9. Perkhidmatan intrakumpulan
10. Perkiraan sumbangan kos
11. Harta tidak ketara
12. Faedah ke atas bantuan kewangan
13. Pelarasan oleh Ketua Pengarah
14. Establismen tetap sebagai suatu entiti berasingan

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PENENTUAN HARGA PINDAHAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 154(1)(ed) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Harga Pindahan) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

**Skop dan pemakaian**

2. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi transaksi terkawal untuk pemerolehan atau pembekalan harta atau perkhidmatan.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), seseorang hendaklah menentukan dan memakai harga selengan untuk pemerolehan atau pembekalan harta atau perkhidmatan mengikut kaedah dan cara yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

**Tafsiran**

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“transaksi terkawal” ertinya suatu transaksi yang disebut dalam subseksyen 140A(2) dan (5) Akta;

“harta” termasuklah apa-apa barang, benda alih atau tak alih, atau harta tidak ketara dan harta yang dimiliki secara benefisial;

“perkhidmatan” termasuklah apa-apa hak, manfaat, keistimewaan atau kemudahan yang disediakan, atau akan disediakan, diberikan atau dianugerahkan di

bawah suatu perkiraan bagi atau berhubung dengan apa-apa kerja dan bantuan termasuklah bantuan kewangan.

**Dokumentasi penentuan harga pindahan semasa**

4. (1) Seseorang yang membuat suatu transaksi terkawal hendaklah menyediakan suatu dokumentasi penentuan harga pindahan semasa.

(2) Dokumentasi penentuan harga pindahan semasa hendaklah termasuk rekod dan dokumen yang menyediakan suatu perihalan bagi perkara yang berikut:

- (a) struktur organisasi, termasuk suatu carta organisasi yang meliputi orang yang terlibat dalam suatu transaksi terkawal;
- (b) jenis perniagaan atau industri dan keadaan pasaran;
- (c) transaksi terkawal itu;
- (d) strategi, andaian dan maklumat berkenaan faktor yang mempengaruhi penetapan apa-apa polisi penentuan harga;
- (e) analisis kebolehbandingan, fungsi dan risiko;
- (f) pemilihan kaedah penentuan harga pindahan;
- (g) pemakaian kaedah penentuan harga pindahan;
- (h) dokumen yang menyediakan asas untuk atau sebaliknya menyokong atau telah dirujuk dalam membangunkan analisis penentuan harga pindahan itu;
- (i) indeks kepada dokumen; dan

(j) apa-apa maklumat lain, data atau dokumen yang difikirkan berkaitan oleh orang itu bagi menentukan suatu harga selengan.

(3) Bagi maksud kaedah ini—

“dokumentasi penentuan harga pindahan semasa” ertinya dokumentasi penentuan harga pindahan yang diwujudkan—

(a) apabila orang itu membangunkan atau melaksanakan apa-apa transaksi terkawal; dan

(b) jika dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran transaksi terkawal itu dikaji semula dan terdapat perubahan yang material, dokumentasi itu hendaklah dikemaskinikan sebelum tarikh genap masa untuk mengemukakan suatu penyata bagi tempoh asas itu untuk tahun taksiran itu.

### **Kaedah bagi menentukan harga selengan**

5. (1) Seseorang hendaklah memakai kaedah transaksi tradisional bagi menentukan harga selengan untuk suatu transaksi terkawal.

(2) Jika kaedah transaksi tradisional tidak boleh dipakai dengan pasti atau tidak boleh dipakai terus, seseorang hendaklah kemudiannya memakai kaedah keuntungan transaksi.

(3) Jika kedua-dua kaedah transaksi tradisional dan kaedah keuntungan transaksi tidak boleh dipakai terus, Ketua Pengarah boleh membenarkan pemakaian kaedah lain yang memberikan tahap kebolehbandingan yang paling tinggi antara transaksi itu.

(4) Bagi maksud kaedah ini—

“kaedah transaksi tradisional” ertinya kaedah harga tidak terkawal boleh banding atau kaedah harga jualan semula atau kaedah kos tokok;

“kaedah keuntungan transaksi” ertinya kaedah pecahan keuntungan atau kaedah margin bersih transaksi.

### **Kebolehbandingan transaksi**

6. (1) Bagi maksud kaedah 5, suatu transaksi tidak terkawal hendaklah digunakan sebagai suatu bandingan bagi menentukan suatu harga selengan bagi suatu transaksi terkawal.

(2) Suatu transaksi tidak terkawal boleh digunakan sebagai suatu bandingan jika—

(a) faktor kebolehbandingan transaksi tidak terkawal dan transaksi terkawal itu adalah serupa secukupnya; atau

(b) tiada satu pun daripada perbezaan berkenaan dengan faktor kebolehbandingan antara transaksi tidak terkawal dan transaksi terkawal itu, atau antara beberapa orang yang membuat mana-mana transaksi itu, mungkin memberi kesan material terhadap harga atau kos yang dikenakan atau dibayar atau keuntungan yang terbit daripada transaksi itu dalam pasaran terbuka; atau

(c) pelarasan yang secara munasabahnyanya tepat boleh dibuat untuk menghapuskan kesan material daripada perbezaan yang disebut dalam perenggan (b).

(3) Faktor kebolehbandingan yang disebut dalam subkaedah (1) termasuk—

(a) ciri-ciri harta atau perkhidmatan itu;

- (b) fungsi yang dilaksanakan, aset yang digunakan dan risiko yang ditanggung oleh orang yang berkenaan dalam transaksi itu;
- (c) terma kontrak;
- (d) hal keadaan ekonomi; dan
- (e) strategi perniagaan orang dalam transaksi itu.

(4) Bagi maksud menentukan harga selengan, keputusan suatu transaksi terkawal hendaklah dibandingkan dengan keputusan suatu transaksi tidak terkawal bagi tahun asas yang sama untuk suatu tahun taksiran.

(5) Ketua Pengarah boleh membenarkan bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran pemakaian data dari tahun yang lain sebelum atau selepas tempoh asas itu sekiranya data yang lengkap dan tepat boleh didapati untuk membuktikan kesan terhadap kitaran hayat atau kitaran perniagaan produk atau perkhidmatan dalam industri orang itu dalam suatu transaksi terkawal.

(6) Bagi maksud kaedah ini, "transaksi tidak terkawal" ertinya suatu transaksi yang dijalankan oleh orang yang bebas berurusan antara satu sama lain secara selengan.

### **Harga pindahan untuk transaksi berasingan dan bergabung**

7. (1) Seseorang dalam suatu transaksi terkawal hendaklah menentukan suatu harga selengan bagi setiap transaksi terkawal mengikut Kaedah-Kaedah ini.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), jika gabungan suatu transaksi terkawal adalah berkait rapat atau berterusan dan tidak boleh dinilai secara berasingan, atau jika boleh ditunjukkan bahawa amalan biasa industri adalah dengan menetapkan satu harga pindahan untuk transaksi itu, Ketua Pengarah boleh membenarkan penentuan harga selengan berdasarkan kepada gabungan transaksi itu.

**Pencirian semula transaksi**

8. (1) Ketua Pengarah boleh tidak mengambil kira apa-apa struktur yang digunakan oleh seseorang dalam membuat suatu transaksi terkawal jika—

(a) inti pati ekonomi transaksi itu berbeza daripada bentuknya; atau

(b) walaupun bentuk dan inti pati transaksi adalah sama, perkiraan yang dibuat berhubung dengan transaksi itu, dilihat secara keseluruhannya, berbeza daripada yang sepatutnya digunakan oleh orang yang bebas bertindak dalam suatu cara komersial yang rasional dan struktur sebenar menghalang Ketua Pengarah daripada menentukan suatu harga pindahan yang sesuai.

(2) Jika Ketua Pengarah tidak mengambil kira apa-apa struktur yang digunakan oleh seseorang dalam membuat suatu transaksi terkawal di bawah subkaedah (1), Ketua Pengarah hendaklah membuat pelarasan kepada struktur transaksi itu sebagaimana yang dia fikirkan sesuai untuk menggambarkan struktur yang sepatutnya digunakan oleh orang yang bebas berurusan secara selengan dengan mengambil kira realiti ekonomi dan komersial.

**Perkhidmatan intrakumpulan**

9. (1) Seseorang dalam transaksi terkawal hendaklah memakai kaedah mengikut kaedah 5 untuk menentukan harga pindahan selengan bagi perkhidmatan intrakumpulan dan dalam memakai apa-apa kaedah orang itu hendaklah—

(a) menunjukkan bahawa perkhidmatan intrakumpulan telah diberikan dan peruntukan perkhidmatan itu telah memberi suatu manfaat ekonomi atau nilai komersial kepada perniagaan orang itu; dan

(b) menunjukkan bahawa caj bagi perkhidmatan intrakumpulan itu berasas.



(2) Apa-apa caj yang dibuat oleh seseorang dalam suatu transaksi terkawal berkenaan dengan perkhidmatan intrakumpulan tidaklah diambil kira jika ia melibatkan—

- (a) aktiviti pemegang saham atau penjagaan;
- (b) perkhidmatan duplikasi;
- (c) perkhidmatan yang menyediakan manfaat sampingan atau manfaat hubungan pasif; atau
- (d) perkhidmatan atas panggilan (*on-call*).

(3) Bagi maksud kaedah ini “perkhidmatan intrakumpulan” ertinya perkhidmatan yang diberikan antara syarikat dalam kumpulan yang sama.

### **Perkiraan sumbangan kos**

10. (1) Jika seseorang membuat suatu perkiraan sumbangan kos dengan orang berkaitan untuk berkongsi kos dan risiko bagi pemerolehan atau pembekalan harta atau perkhidmatan, orang itu hendaklah menentukan peruntukan kos bagi perkiraan itu mengikut peruntukan yang sepatutnya dijalankan oleh orang yang bebas berurusan antara satu sama lain secara selengan dalam suatu perkiraan yang serupa.

(2) Jika terdapat suatu kemasukan, penarikan balik atau penamatan oleh mana-mana orang berkenaan dengan perkiraan sumbangan kos yang disebut dalam subkaedah (1), apa-apa bayaran yang dibuat kepada orang itu berkenaan dengan kemasukan, penarikan balik atau penamatan itu hendaklah ditentukan mengikut bayaran yang sepatutnya dibuat oleh orang yang bebas berurusan antara satu sama lain secara selengan.

(3) Bagi maksud kaedah ini, seseorang dan orang yang berkaitan dengannya hendaklah ditafsirkan sebagai—

- (a) beberapa orang, yang seorang daripadanya mempunyai kawalan ke atas yang lain;
- (b) individu-individu yang bersaudara antara satu sama lain; atau
- (c) beberapa orang, yang kedua-duanya adalah dikawal oleh orang yang lain.

**Harta tidak ketara**

11. (1) Jika dalam suatu transaksi terkawal suatu harta tidak ketara dijual atau dilesenkan—

- (a) pemilik atau pemegang lesen hendaklah mengenakan suatu harga selengan; dan
- (b) nilai harta itu kepada pembeli atau pemberi lesen hendaklah merupakan manfaat yang dijangkakan akan dijana oleh harta tidak ketara itu.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), harga selengan untuk jualan atau lesen itu hendaklah ditentukan dengan memakai kaedah harga tidak terkawal boleh banding, atau dalam hal jika harta itu bernilai tinggi atau unik, kaedah pecahan keuntungan residual hendaklah dipakai.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), Ketua Pengarah boleh membenarkan pemakaian kaedah yang lain jika kaedah itu memberikan tahap kebolehbandingan yang paling tinggi antara transaksi.

(4) Jika pemilikan sah harta tidak ketara itu tidak terletak kepada orang yang membangunkan harta itu, orang itu hendaklah menerima balasan selengan bagi pembangunan harta itu.

(5) Jika seseorang yang bukan pemilik suatu cap dagangan atau nama dagangan menjalankan aktiviti pemasaran dan menanggung kos pemasaran cap dagangan atau nama dagangan itu melebihi daripada yang ditanggung oleh orang yang bebas boleh banding, orang itu adalah berhak kepada balasan harga selengan bagi menjalankan aktiviti itu daripada pemilik cap dagangan atau nama dagangan itu.

(6) Dalam kaedah ini, seseorang adalah disifatkan sebagai pemilik harta tidak ketara dan adalah layak kepada apa-apa pendapatan yang berpunca daripada harta itu jika perbelanjaan dan risiko yang berkaitan dengan pembangunan harta tidak ketara itu ditanggung oleh orang itu.

(7) Bagi maksud kaedah ini—

“harta tidak ketara” termasuklah paten, ciptaan, formula, proses, reka bentuk, model, pelan, rahsia dagangan, kepandaian atau pemasaran tidak ketara;

“pemasaran tidak ketara” termasuklah suatu yang tidak ketara yang berkenaan dengan aktiviti pemasaran, yang membantu dalam eksploitasi komersial harta itu atau mempunyai suatu nilai promosi yang penting bagi harta yang berkenaan.

### **Faedah ke atas bantuan kewangan**

12. (1) Mana-mana orang dalam suatu transaksi terkawal yang menyediakan atau menerima bantuan kewangan, secara langsung atau tidak langsung, kepada atau daripada orang lain dengan atau tanpa balasan hendaklah menentukan kadar faedah selengan bagi bantuan itu.

(2) Bagi maksud kaedah ini—

“bantuan kewangan” termasuklah pinjaman, kredit perdagangan berfaedah, pendahuluan atau hutang dan peruntukan apa-apa sekuriti atau jaminan;

“faedah” termasuklah caj kewangan, diskaun, premium atau balasan lain berhubung dengan transaksi terkawal.

### **Pelarasan oleh Ketua Pengarah**

13. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Kaedah-Kaedah ini, jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa harga termasuk kadar faedah yang dikenakan atau yang sepatutnya dikenakan dalam suatu transaksi terkawal adalah tidak selengan, Ketua Pengarah boleh membuat suatu pelarasan untuk menunjukkan harga selengan atau kadar faedah bagi transaksi itu dengan menggantikan atau mengenakan harga atau faedah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Apa-apa pelarasan di bawah Kaedah-Kaedah ini berkenaan dengan suatu taksiran yang dibuat ke atas salah seorang daripada orang dalam suatu transaksi terkawal boleh ditunjukkan dengan suatu pelarasan imbangan ke atas taksiran orang yang lain dalam transaksi itu atas permintaan orang yang lain itu.

### **Establismen tetap sebagai suatu entiti berasingan**

14. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, establismen tetap hendaklah dianggap sebagai suatu entiti berbeza dan berasingan daripada ibu pejabatnya dan cawangan yang berkaitan.

(2) Dalam kaedah ini, “establismen tetap”—

(a) hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam perkiraan yang dibuat di bawah seksyen 132 Akta; atau

- (b) jika tiada perkiraan dibuat di bawah seksyen 132 Akta, ertinya suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya perniagaan orang itu secara keseluruhan atau sebahagiannya dijalankan, atau suatu tempat perniagaan tetap orang yang lain, yang melaluinya orang yang tertentu itu membuat pembekalan.

Dibuat 7 Mei 2012

[Perb.0.6869/47(SJ.2)(JLD.2); LHDN.01/35/(S)/42/51Kit.12; PN(PU2)80/LXIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (TRANSFER PRICING) RULES 2012

ARRANGEMENT OF RULES

Rule

1. Citation and commencement
2. Scope and application
3. Interpretation
4. Contemporaneous transfer pricing documentation
5. Method to determined arm's length price
6. Comparability of transactions
7. Transfer price for separate and combined transaction
8. Re-characterization of transactions
9. Intra-group services
10. Cost contribution arrangement
11. Intangible property
12. Interest on financial assistance
13. Adjustment by Director General
14. Permanent establishment as a separate entity

## INCOME TAX ACT 1967

## INCOME TAX (TRANSFER PRICING) RULES 2012

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(ed) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Transfer Pricing) Rules 2012**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation on 1 January 2009.

**Scope and application**

2. (1) These Rules shall apply to controlled transactions for the acquisition or supply of property or services.

(2) For the purpose of subrule (1), a person shall determine and apply the arm's length price for the acquisition or supply of property or services in accordance with the method and manner provided in these Rules.

**Interpretation**

3. In these Rules—

“controlled transaction” means the transaction referred to in subsections 140A(2) and (5) of the Act;

“property” includes any goods, movable or immovable thing, or intangible property and beneficially owned property;

“service” includes any rights, benefits, privileges or facilities that are, or to be, provided, granted or conferred under an arrangement for or in relation to any work and assistance including financial assistance.

**Contemporaneous transfer pricing documentation**

4. (1) A person who enters into a controlled transaction shall prepare a contemporaneous transfer pricing documentation.

(2) The contemporaneous transfer pricing documentation shall include records and documents that provide a description of the following matters:

- (a) organizational structure, including an organization chart covering persons involved in a controlled transaction;
- (b) nature of the business or industry and market conditions;
- (c) the controlled transaction;
- (d) strategies, assumptions and information regarding factors that influenced the setting of any pricing policies;
- (e) comparability, functional and risk analysis;
- (f) selection of the transfer pricing method;
- (g) application of the transfer pricing method;
- (h) documents that provide the foundation for or otherwise support or were referred to in developing the transfer pricing analysis;
- (i) index to documents; and
- (j) any other information, data or document considered relevant by the person to determine an arm's length price.



(3) For the purpose of this rule—

“contemporaneous transfer pricing documentation” means transfer pricing documentation which is brought into existence—

(a) when a person is developing or implementing any controlled transaction; and

(b) where in a basis period for a year of assessment the controlled transaction is reviewed and there are material changes, the documentation shall be updated prior to the due date for furnishing a return for that basis period for that year of assessment.

**Method to determine arm’s length price**

5. (1) A person shall apply the traditional transactional method to determine the arm’s length price of a controlled transaction.

(2) Where the traditional transactional method cannot be reliably applied or cannot be applied at all, the person shall then apply the transactional profit method.

(3) Where both the traditional transactional method and transactional profit method cannot be applied at all, the Director General may allow the application of other methods which provides the highest degree of comparability between the transactions.

(4) For the purpose of this rule—

“traditional transactional method” means the comparable uncontrolled price method or the resale price method or the cost plus method;

“transactional profit method” means the profit split method or the transactional net margin method.

**Comparability of transactions**

6. (1) For the purpose of rule 5, an uncontrolled transaction shall be used as a comparable in determining an arm's length price of a controlled transaction.

(2) An uncontrolled transaction may be used as a comparable if—

(a) the comparability factors of such uncontrolled transaction and the controlled transaction are sufficiently similar; or

(b) none of the differences in respect of the comparability factors between such uncontrolled transaction and the controlled transaction, or between persons entering into any of those transactions, are likely to materially affect the price or cost charged or paid or the profit arising from those transactions in the open market; or

(c) reasonably accurate adjustments can be made to eliminate the material effects of such differences referred to in paragraph (b).

(3) The comparability factors referred to in subrule (1) include—

(a) the characteristics of the property or services;

(b) the functions performed, assets employed and the risk assumed by the respective persons in the transactions;

(c) the contractual terms;

(d) economic circumstances; and

(e) business strategies of the persons in the transactions.

(4) For the purpose of determining the arm's length price, the results of the controlled transaction shall be compared with the results of an uncontrolled transaction for the same basis year for a year of assessment.

(5) The Director General may allow for the basis period for a year of assessment the application of data from other years prior to or after that basis period if complete and accurate data are available to prove the effect of the life cycles or the business cycles of the products or services in the industry of the person in the controlled transaction.

(6) For the purpose of this rule, "uncontrolled transaction" means a transaction carried on by an independent person dealing with one another at arm's length.

#### **Transfer price for separate and combined transaction**

7. (1) A person in a controlled transaction shall determine an arm's length price for each controlled transaction in accordance with these Rules.

(2) Notwithstanding subrule (1), where a combination of controlled transactions are closely linked or continuous and cannot be evaluated separately, or it can be shown that the normal industry practice is to set one transfer price for those transactions, the Director General may allow the determination of the arm's length price based on the combination of those transactions.

#### **Re-characterization of transactions**

8. (1) The Director General may disregard any structure adopted by a person in entering into a controlled transaction if—

(a) the economic substance of that transaction differs from its form; or

(b) notwithstanding that the form and substance of that transaction are the same, the arrangements made in relation to the transaction, viewed in totality, differ from those which would have

been adopted by independent persons behaving in a commercially rational manner and the actual structure impedes the Director General from determining an appropriate transfer price.

(2) Where the Director General disregards any structure adopted by a person in entering into a controlled transaction under subrule (1), the Director General shall make adjustment to the structure of that transaction as he thinks fit to reflect the structure that would have been adopted by an independent person dealing at arm's length having regards to the economic and commercial reality.

### **Intra-group services**

9. (1) A person in a controlled transaction shall apply the methods in accordance with rule 5 to determine the arm's length transfer price for intra-group services and in applying any of the methods he shall—

- (a) demonstrate that the intra-group services have been rendered and the provision of such services has conferred an economic benefit or commercial value to his business; and
- (b) demonstrate that the charge for the intra-group services is justified.

(2) Any charge made by a person in a controlled transaction in respect of the intra-group services shall be disregarded if it involves—

- (a) shareholder or custodial activities;
- (b) duplicative services;
- (c) services that provide incidental benefits or passive association benefits; or
- (d) on-call services.

(3) For the purpose of this rule, “intra-group services” means services rendered between companies in the same group.

### **Cost contribution arrangement**

10. (1) Where a person enters into a cost contribution arrangement with its associated person to share the costs and risks for acquisition or supply of property or services, the person shall determine the allocation of costs for such arrangement in accordance with the allocation that would have been undertaken by an independent person dealing with each other at arm’s length in a similar arrangement.

(2) Where there is an entry, withdrawal or termination by any person in respect of the cost contribution arrangement referred to in subrule (1), any payment made to that person in respect of such entry, withdrawal or termination shall be determined in accordance with the payment that would have been made by an independent person dealing with each other at arm’s length.

(3) For the purpose of this rule, a person and its associated person shall be construed as—

- (a) persons, one of whom has control over the other;
- (b) individuals who are relatives of each other; or
- (c) persons, both of whom are controlled by some other person.

### **Intangible property**

11. (1) Where in a controlled transaction an intangible property is sold or licensed out—

- (a) the owner or licensee shall charge an arm’s length price; and
- (b) the value of that property to the purchaser or licensor shall be the benefit that the intangible property is expected to generate.

(2) For the purpose of subrule (1), the arm's length price for such sale or license shall be determined by applying the comparable uncontrolled price method, or in the case where the property is highly valuable or unique, the residual profit split method shall be applied.

(3) Notwithstanding subrule (2), the Director General may allow the application of other methods if the method provides the highest degree of comparability between transactions.

(4) Where the legal ownership of the intangible property does not vest with the person that has developed that property, such person shall receive an arm's length consideration for the development of such property.

(5) Where a person who is not the owner of a trademark or trade name undertakes marketing activities and bears marketing costs of such trademark or trade name in excess of those of a comparable independent person, he shall be entitled to an arm's length consideration for undertaking such activities from the owner of the trademark or trade name.

(6) In this rule, a person shall be deemed to be an owner of an intangible property and is entitled to any income attributable to that property if the expenses and risks associated with the development of the intangible property are borne by that person.

(7) For the purpose of this rule—

“intangible property” includes patent, invention, formula, process, design, model, plan, trade secret, know-how or marketing intangible;

“marketing intangible” includes an intangible that is concerned with marketing activities, which aids in the commercial exploitation of the property or has an important promotional value for the property concerned.

**Interest on financial assistance**

12. (1) Any person in a controlled transaction who provides or receives financial assistance, directly or indirectly, to or from another person with or without consideration shall determine the arm's length interest rate for such assistance.

(2) For the purpose of this rule—

“financial assistance” includes loan, interest bearing trade credit, advance or debt and the provision of any security or guarantee;

“interest” includes finance charge, discount, premium or other consideration relating to controlled transaction.

**Adjustment by Director General**

13. (1) Notwithstanding any other provision of these Rules, where the Director General has reason to believe that any price including the rate of interest imposed or would have been imposed in a controlled transaction is not at arm's length, the Director General may make an adjustment to reflect the arm's length price or interest rate for that transaction by substituting or imputing the price or interest, as the case may be.

(2) Any adjustment under these Rules in respect of an assessment made on one of the persons in a controlled transaction may be reflected by an offsetting adjustment on the assessment of the other person in that transaction upon request by that other person.

**Permanent establishment as a separate entity**

14. (1) For the purpose of these Rules, a permanent establishment shall be treated as a distinct and separate entity from its head office and related branches.

(2) In this rule, “permanent establishment”—

(a) shall have the same meaning assigned to it in the arrangement made under section 132 of the Act; or

- (b) if there is no arrangement made under section 132 of the Act, means a fixed place of business through which the business of a person is wholly or partly carried on, or a fixed place of business of another person, through which the particular person makes supplies.

Made 7 May 2012

[Perb.0.6869/47 (SJ.2)(JLD.2); LHDN.01/35/(S)/42/51Kit. 12; PN(PU2)80/LXIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*